

27 OCT 2003

SALIKON-PESISIR

JOHOR WUJUD MEJA BANTUAN PERMUDAH KEMASUKAN 4,000 SYKT PESISIR

Oleh: Mohd Nasir Yusoff

JOHOR BAHARU, 27 Okt (Bernama) -- Kerajaan negeri Johor akan mewujudkan sebuah meja bantuan khas bagi mempermudah kemasukan sebahagian daripada 4,000 syarikat luar pesisir yang kini beroperasi di Labuan untuk membuka pejabat pemasaran masing-masing di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri, Usahawan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Sains dan Teknologi Negeri, Md Salikon Sarpin berkata meja bantuan khas itu, yang beroperasi sementara di pejabatnya akan menyelaras semua urusan rasmi antara syarikat dengan pelbagai agensi kerajaan.

"Meja bantuan ini akan membantu menyelaraskan urusan antara syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan yang berminat untuk membuka pejabat pemasaran masing-masing di sini, sebagaimana yang dibolehkan dalam Bajet 2004," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Antara urusan rasmi yang akan dibantu ialah mendapatkan kelulusan pihak berkuasa tempatan bagi lesen premis, pemasangan papan tanda, urusan dengan Jabatan Imigresen dan Kastam, katanya.

Beliau berkata langkah yang diambil kerajaan negeri itu adalah untuk membolehkan syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan Pusat Kewangan Pesisir Pantai Labuan membuka pejabat pemasaran masing-masing di sini seperti yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2004 Sept lepas.

Salikon berkata selain itu kerajaan negeri juga akan berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia bagi mengadakan penerbangan terus antara Johor Baharu-Labuan untuk mempermudah para pegawai syarikat-syarikat itu berulang alik antara kedua-dua destinasi tersebut.

"Penerbangan yang ada sekarang memerlukan transit penerbangan sama ada di Kota Kinabalu, Kuala Lumpur atau Kuching, sebelum menyambung penerbangan ke sini dan ini memerlukan masa sehingga sembilan jam yang dikira membazir waktu bagi para pegawai syarikat," katanya.

Menurutnya, kerajaan Johor juga menimbang untuk berbincang dengan Kerajaan Pusat bagi membolehkan insentif tertentu percukaian yang diberikan kepada syarikat pesisir pantai di Labuan turut dipanjangkan kepada syarikat-syarikat itu yang membuka pejabat pemasaran di Johor.

Beberapa buah syarikat pengendali dana amanah, syarikat insurans dan bank perdagangan sudah pun menyatakan minat dan hasrat untuk membuka pejabat pemasaran di sini, tambahnya.

Salikon berkata sebahagian daripada 4,000 syarikat di Labuan dijangka membuka pejabat pemasaran masing-masing di negeri ini yang akan membolehkan mereka lebih dekat dengan pelanggan masing-masing termasuk di Singapura, Indonesia dan rantau Asia-Pasifik.

"Daripada unjuran pembukaan pejabat-pejabat pemasaran itu, Johor sendiri akan menikmati manfaat langsung seperti permintaan yang bertambah bagi ruang pejabat, kediaman, peningkatan peluang pekerjaan bagi rakyat dan syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan," katanya.

Beliau menjangkakan perkembangan itu akan turut menyumbang kepada mempercepatkan usaha kerajaan menjadikan Johor khususnya Lapangan Terbang Senai dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di sini sebagai pusat kargo serantau.

Sebelum ini kerajaan negeri mengumumkan penubuhan sebuah Pusat Kecemerlangan Logistik bagi mengendalikan kursus peringkat ijazah, sarjana dan kursus profesional jangka pendek untuk menampung keperluan tenaga kerja mahir dan terlatih dalam bidang-bidang pengangkutan, insurans, kewangan dan

undang-undang berkaitan.

Pusat itu yang akan beroperasi di kampus induk Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai dikendalikan dengan kerjasama UTM dan dijangka mengambil kumpulan pelajar pertama Jun tahun depan. -- BERNAMA

MNY MNY ZK